

IMPLIKASI HARTA PUSAKA YANG GAGAL DISEMPURNAKAN  
PEMBAHAGIAN KEPADA PIHAK UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA DAN  
PEWARIS

KAJIAN KES: UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA JOHOR SELATAN,  
JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN, JOHOR BAHRU

MD NAZRUL BIN MAT SAMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah

JUN 2012

## ABSTRACT

The problem of undistributed estate in Malaysia is becoming increasingly serious and complex. It has become a big issue that we can see through newspapers and mass media giving information about millions of ringgit of unclaimed estates and kept at the Department of National Accounts, Trustees, Employees Provident Fund (EPF) and others. Nowadays, the estate or assets that were frozen due to failures of beneficiaries to claim the funds including savings in the EPF, the savings and cooperative banks, vehicles, property such as houses and buildings, unit trusts, insurance and Takaful, investment in shares companies, trusts, intellectual property, royalties and more. At the preliminary stages, the researcher has come out with two objectives, firstly to examine the implications of the undistributed estate to the Estates Distribution Unit and secondly to examine the implications of the undistributed estate to the beneficiaries. The researcher has chosen the South Johor Estates Distribution Unit, Department of Lands and Minerals as the case study because this research is focusing on the small estate management for movable and immovable property with values not exceeding RM2 million. To achieve these objectives, the researcher had conducted interviews with the officers of South Johor Estates Distribution Unit. This study was also conducted by distributing questionnaires to respondents from beneficiaries, those who deal at the case study and the public and this also includes respondents among the officers and supporting staff in the department. Data was analyzed using SPSS version 17.0 by using the Likert scaling analysis, frequency analysis and cross tabulation analysis. The results have shown that there was a large implication from the undistributed estate to the South Johor Estates Distribution Unit, Department of Lands and Minerals and the beneficiaries of the estates. It is hoped that these findings can be used as an assessment, reference and a guideline in terms of enforcement of law in addressing this issue. Furthermore, it will also confer benefits to the parties involved. At the end of the study, suggestions have been submitted by the researcher.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Metodologi Kajian	9
	1.8 Susunatur Bab	12

## II HARTA PUSAKA YANG GAGAL DISEMPURNAKAN PEMBAHAGIAN DI MALAYSIA

2.1	Pengenalan	14
2.2	Konsep Harta Pusaka Dan Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagian	14
2.2.1	Definisi Harta Pusaka	14
	2.2.1.1 Harta Pusaka Besar	16
	2.2.1.2 Harta Pusaka Kecil	17
	2.2.1.3 Harta Pusaka Ringkas	17
2.2.2	Definisi Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagian	18
	2.2.2.1 Definisi Implikasi Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pihak Unit Pembahagian Pusaka	19
	2.2.2.2 Definisi Implikasi Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pewaris	19
2.3	Pengurusan dan Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Pentadbiran Pusaka Di Malaysia	20
2.3.1	Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia	21
2.3.2	Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955	23
2.3.3	Undang-Undang Pusaka Bukan Islam (Akta Pembahagian 1958)	23
2.3.4	Akta Probet dan Pentadbiran 1959	24
2.4	Badan Pengendali Dalam Pembahagian Harta Pusaka	26
2.4.1	Mahkamah Syariah	26
2.4.2	Amanah Raya Berhad	27
2.4.3	Pentadbir Tanah / Penolong Pengarah Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian	27
2.4.4	Mahkamah Tinggi	28

2.5	Implikasi Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pihak Unit Pembahagian Pusaka dan Pewaris	28
2.5.1	Implikasi Dari Aspek Pihak Unit Pembahagian Pusaka	
2.5.1.1	Melambatkan dan Menyulitkan Proses Pembahagian Pusaka	30
2.5.1.2	Wang Pampasan Tidak Dapat Dibayar	30
2.5.1.3	Pembangunan Ekonomi Ke Atas Tanah Pusaka Terbantut Dan Tidak Membantu Meningkatkan Ekonomi Negara	30
2.5.1.4	Tunggakan Cukai Tanah Yang Bernilai Lebih Jutaan Ringgit	31
2.5.2	Implikasi Kepada Pewaris	31
2.5.2.1	Urusniaga Tidak Dapat Dijalankan	32
2.5.2.2	Permasalahan Kepada Kesejahteraan Institusi Keluarga	32
2.5.2.3	Orang Islam Akan Mengalami Penguasaan Secara Batil	33
2.5.2.4	Berlakunya Pertindihan Generasi	33
2.6	Kesimpulan	34

### **III PERANAN DAN PROSEDUR KERJA PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL DI UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA JOHOR SELATAN, JOHOR BAHRU**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Latar Belakang Unit Pembahagian Pusaka Di Johor Bahru	36
3.3	Organisasi dan Pengurusan Unit Pembahagian Pusaka Johor Selatan, Johor Bahru	41
3.4	Proses Kerja Unit Pembahagian Pusaka Johor Selatan	42

3.4.1	Proses Permohonan Baru Di Bawah Seksyen 8 (1) Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955	43
3.4.2	Proses Permohonan Berikutnya Di Bawah Seksyen 17 Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955	45
3.4.3	Proses Pembahagian Harta Pusaka Kecil	49
3.4.4.1	Proses Panggilan Perbicaraan	49
3.4.4.2	Proses Perbicaraan	51
3.4.4.3	Proses Penyediaan Perintah Pembahagian Pusaka	51
3.5	Kesimpulan	55

## IV

### ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Kaedah Pencarian Data dan Maklumat	57
4.2.1	Kaedah Pengedaran Borang Soal Selidik	57
4.2.2	Kaedah Temubual	58
4.3	Pembentukan Borang Soal Selidik	59
4.3.1	Struktur Borang Soal Selidik	60
4.3.2	Pemilihan Responden	62
4.3.3	Pengumpulan Data	62
4.4	Analisis Data	63
4.4.1	Kaedah Analisis Frekuensi	64
4.4.2	Kaedah Analisis Skala Likert	65
4.4.3	Kaedah Penjadualan Silang	65
4.5	Analisis Hasil Data	65
4.5.1	Hasil Analisis Borang Soal Selidik Pertama	66
4.5.1.1	Analisis Latar Belakang Responden	66
4.5.1.2	Analisis Pengetahuan Mengenai Kesan Harta Pusaka Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pewaris dan Orang Ramai	70
4.5.1.3	Analisis Implikasi Akibat Harta Pusaka Gagal Disempurnakan Pembahagian	

	Kepada Pewaris	82
4.5.2	Hasil Analisis Borang Soal Selidik Kedua	88
4.5.2.1	Hasil Analisis Latar Belakang Responden	89
4.5.2.2	Analisis Implikasi Harta Pusaka Akibat Harta Pusaka Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pihak Pengurusan	92
4.5	Kesimpulan	100

#### **IV KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	102
5.2	Penemuan Kajian	102
5.2.1	Pencapaian Objektif Pertama	103
5.2.2	Pencapaian Objektif Kedua	104
5.3	Cadangan Bagi Menurunkan Jumlah Kadar Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagian	105
5.4	Masalah Ketika Menjalankan Kajian	106
5.5	Limitasi Kajian	107
5.6	Kajian Lanjutan	108
5.7	Kesimpulan	108

<b>BIBLIOGRAFI</b>	111
--------------------	-----

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Kadar Kelahiran Dan Kematian Kasar 2008 Sehingga 2010 Di Negeri Johor	40
4.1	Latar Belakang Responden	68
4.2	Pengalaman Responden Atau Keluarga Responden Terhadap Kesan Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagiannya	75
4.3	Pengalaman Responden Atau Keluarga Responden Terhadap Kesan Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagiannya (Pemohon Di Unit Pembahagian Pusaka Johor Selatan)	79
4.4	Mata Skor Bagi Kaedah Skala Likert	82
4.5	Susunan Min Skor Bagi Implikasi Harta Pusaka Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pewaris	82
4.6	Pengalaman Responden Atau Keluarga Responden Terhadap Kesan Harta Pusaka Yang Gagal Disempurnakan Pembahagiannya (Pemohon Di Unit Pembahagian Pusaka Johor Selatan)	84
4.7	Indeks Darjah Kepentingan Bagi Implikasi Harta Pusaka Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pewaris	85
4.6	Indeks Mengikut Darjah Kepentingan Bagi Implikasi Harta Pusaka Gagal Disempurnakan Pembahagian Kepada Pewaris	85
4.7	Darjah Kepentingan Tahap Persetujuan Responden Terhadap Implikasi Harta Pusaka Tidak Dituntut Kepada Pewaris	82
4.9	Mata Skor Bagi Kaedah Skala Likert	92



4.10	Susunan Min Skor Bagi Implikasi Harta Pusaka Tidak Dituntut Kepada Pihak Pengurusan Harta Pusaka	92
4.11	Indeks Darjah Kepentingan Bagi Implikasi Harta Pusaka Tidak Dituntut Kepada Pihak Pengurusan Harta Pusaka	93
4.12	Indeks Mengikut Darjah Kepentingan Bagi Implikasi Harta Pusaka Tidak Dituntut Kepada Pihak Pengurusan Harta Pusaka	94
4.13	Darjah Kepentingan Tahap Setuju Responden Terhadap Implikasi Harta Pusaka Tidak Dituntut Kepada Pihak Pengurusan Harta Pusaka	94

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Ringkasan Kategori Harta Pusaka Berdasarkan Akta Kuasa Wasiat, Akta Probet Pentadbiran 1959 dan Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955	18
3.1	Peta Daerah di Johor	38
3.2	Taburan Penduduk Mengikut Jantina, Etnik dan Usia di Negeri Johor, 2005 – 2009	39
3.3	Taburan Penduduk Mengikut Daerah di Negeri Johor, 2005 –2009	40
3.4	Carta Organisasi Unit Pembahagian Pusaka Johor Selatan, Johor Bahru	42
3.5	Aliran Kerja Permohonan Baru di bawah Seksyen 8	44
3.6	Carta Aliran Kerja Permohonan Berikutnya Di Bawah Seksyen 17	48
3.7	Carta Aliran Kerja Penyampaian Notis Panggilan Bicara	50
3.8	Carta Aliran Kerja Proses Perbicaraan Dan Penyediaan Perintah Pembahagian Harta Pusaka Kecil	54
4.1	Pengetahuan Bahawa Harta Pusaka Yang Dibiarkan Tanpa Diselesaikan/Tidak Dituntut Bakal Memberikan Kesan Kelak Melibatkan Kategori Umur	71
4.2	Pengetahuan Bahawa Harta Pusaka Yang Dibiarkan Tanpa Diselesaikan/Tidak Dituntut Bakal Memberikan Kesan Kelak Melibatkan Kategori Pendidikan	72
4.3	Pengetahuan Bahawa Harta Pusaka Yang Dibiarkan Tanpa Diselesaikan/Tidak Dituntut Bakal Memberikan Kesan Kelak Melibatkan Kategori Pekerjaan	73

4.4	Jantina Responden Di Unit Pembahagi Pusaka Johor Selatan	90
4.5	Umur Responden Di Unit Pembahagi Pusaka Johor Selatan	90
4.6	Tahap Pendidikan Responden Di Unit Pembahagi Pusaka Johor Selatan	91

**SENARAI SINGKATAN**

ARB	Amanah Raya Berhad
ASB	Amanah Saham Bumiputera
ASN	Amanah Saham Nasional
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
KPTG	Ketua Pengarah Tanah dan Galian
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **LAMPIRAN**

### **TAJUK**

<b>A</b>	Borang Soal Selidik
<b>B</b>	Keratan Akhbar

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Permasalahan harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian di Malaysia kian serius dan semakin kompleks serta merupakan satu penyakit yang masih tidak sembuh hingga kini. Saban hari kita melihat di dada akhbar dan media massa makluman mengenai jutaan ringgit nilai harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian masih tersimpan dan terperap di Jabatan Akaun Negara, Amanah Raya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya.

Kebiasaannya harta pusaka atau aset yang terpaksa dibekukan ekoran tidak diselesaikan pembahagian oleh pewaris yang berhak merangkumi wang simpanan di KWSP, simpanan di koperasi dan bank, kenderaan, hartanah seperti rumah dan bangunan, simpanan unit amanah, insurans dan takaful, pelaburan saham syarikat, saham amanah, harta intelektual, royalti dan banyak lagi.

Secara keseluruhannya pusaka boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang kematiannya telah dibuktikan di bawah undang-undang yang meninggalkan sama ada harta tak alih atau harta alih. Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah menerangkan bentuk-bentuk harta alih dan tak alih yang boleh diletakkan sebagai sebahagian dari pusaka kecil melalui pekeliling KPTG Bil 18 keluaran tahun 1976. Harta tak alih (*immovable properties*) di bawah Akta Tafsiran 1957 ditakrifkan sebagai harta yang

tidak boleh dipindahkan, tidak boleh dialihkan atau melekat di atas tanah seperti rumah dan tanah serta sebarang kepentingan yang diperolehi dari tanah, manakala harta alih (*movable properties*) adalah terdiri daripada harta yang boleh dipindahkan selain dari tanah. Ianya termasuklah kenderaan, barang-barang kemas, wang simpanan dan sebagainya.

Pusaka kecil di bawah tafsiran Seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 menerangkan harta pusaka kecil iaitu si mati tidak meninggalkan wasiat (di bawah Akta Wasiat 1959) bagi harta peninggalannya. Harta itu hendaklah terdiri daripada jenis harta tak alih (tanah) dan lain-lain. Bagi harta alih, si mati ada meninggalkan harta seperti wang simpanan, KWSP, ASB, saham dan sebagainya. Jumlah nilai kesemua harta itu termasuklah harta alih dan tak alih adalah tidak melebihi RM 2 juta. Sekiranya harta tersebut bernilai lebih daripada RM 2 juta atau tidak mengandungi harta tak alih atau mempunyai wasiat, maka ia bukanlah pusaka kecil dan hendaklah diselesaikan oleh Amanah Raya Berhad atau Mahkamah Tinggi.

Harta pusaka yang begitu banyak masih gagal disempurnakan pembahagian ini boleh mencerminkan keadaan rakyat negara ini yang terlalu kaya dan begitu berjaya sehingga sanggup membiarkan harta pusaka termasuk wang tunai bernilai RM31 juta disimpan dan dijaga oleh Amanah Raya Berhad (Utusan Malaysia, 2 Mei 2009). Jumlah besar itu yang dikategorikan sebagai 'Harta Pusaka Menunggu Dituntut' masih berada di bawah pegangan Amanah Raya, walaupun pelbagai cara telah digunakan untuk mengembalikan harta tersebut. Pada tahun 2009, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Amanah Raya, Alina Hashim (pada masa itu) dilaporkan telah menyatakan: "Harta Pusaka Menunggu Dituntut" ialah harta pusaka yang belum dapat diselesaikan pentadbirannya atau diagihkan kepada waris yang berhak kerana sebab-sebab tertentu (Utusan Malaysia, 2 Mei 2009).

Menurut Harian Metro 9 Mac 2011, nilai harta yang dibekukan pada tahun 2009 terus meningkat dan laporan kajian terkini menyatakan sebanyak RM42 billion harta pusaka umat Islam di Malaysia terpaksa dibekukan dan mendapat reaksi ramai pihak. Ia suatu jumlah yang cukup besar sekiranya ia dapat dimanfaatkan

sepenuhnya dalam pembangunan negara apatah lagi untuk pembangunan umat Islam di negara ini. Harta yang dibekukan dan tidak berupaya digunakan adalah sangat tidak ekonomik serta merugikan semua pihak kerana harta berkenaan tidak dapat dimanfaatkan untuk pembangunan dan kemaslahatan ummah di negara ini seperti harta wakaf.

Keadaan yang berlaku ini melibatkan sejumlah besar harta dibekukan juga merupakan suatu pembuktian bahawa masyarakat di negara ini sememangnya mempunyai aset yang kukuh untuk dilaburkan, tetapi malangnya terpaksa dibekukan kerana masalah kes tuntutan pembahagian dan pewarisan yang gagal diselesaikan dengan sempurna. Akibat ketiadaan penuntut yang berhak atau waris yang layak dan sah berikutan kegagalan diselesaikan pewaris apabila berlaku kematian di samping masalah teknikal dan birokrasi yang melibatkan undang-undang serta pewarisan, menyebabkan harta peninggalan si mati ini terpaksa dibekukan. Isu ini saban tahun akan terus dibangkitkan dan mendapat perhatian. Jumlah harta dibeku berkenaan tidak akan mungkin berkurangan sebaliknya akan semakin bertambah dari semasa ke semasa serta nilainya juga terus meningkat.

Menurut Ketua Kluster Governas, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara, Prof Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (April, 2011), isu ini acapkali timbul dan mendapat respons ramai pihak tetapi pentingnya nilai harta pusaka itu masih belum mampu meraih kesedaran ramai pihak dan belum mampu mencapai tahap yang boleh dibanggakan kerana kaedah yang ditekankan oleh pihak-pihak tertentu tidak bersesuaian dengan keadaan masyarakat hari ini.

Kegagalan ahli waris menyelesaikan harta pusaka peninggalan keluarga terdekat yang meninggal dunia boleh menimbulkan pelbagai masalah yang membabitkan anggota keluarga masyarakat dan negara. Keadaan itu menyebabkan banyak harta pusaka terbiar terutama tanah dan rumah yang ditinggalkan tanpa pengurusan pembahagian pusaka yang sempurna.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Masyarakat sekarang lebih gemar berlumba-lumba mengumpul harta kekayaan dunia. Kebanyakan mereka tidak membuat persiapan awal sebelum meninggal dunia seperti pembahagian harta agar kehidupan keluarga yang ditinggalkan tidak mengalami kesulitan. Sehubungan itu, disebabkan ketidakfahaman dan ketidakjelasan tentang pengurusan harta pusaka sama ada harta alih dan harta tidak alih maka timbullah pelbagai kemungkinan seperti perselisihan dan permusuhan di antara saudara-saudara dan ahli-ahli waris. Isu pewaris yang tidak dapat diselesaikan ini menyebabkan harta pusaka ini gagal diselesaikan urusan pembahagiannya lantaran sebarang transaksi tidak dapat dilakukan kerana telah dibekukan misalnya oleh bank dan badan kepentingan lain. Pada masa yang sama ada juga harta pusaka yang sudah dilakukan tuntutan namun masih belum mampu diselesaikan pembahagiannya..

Pada tahun 2006 pula, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (pada masa itu) telah menyatakan bahawa lebih sejuta kes tuntutan harta pusaka (termasuk harta alih dan tidak alih) dengan nilai mencecah RM38 bilion masih tertunggak akibat tidak dapat diuruskan pembahagian oleh pewaris (Utusan Malaysia, 4 Julai 2006).

Haji Abdullah (2007) melaporkan berdasarkan jumlah hakmilik yang ada di seluruh Negara iaitu melebihi 6 juta adalah dianggarkan sekurang-kurangnya sebanyak 1 juta hakmilik tanah, bernilai berbilion ringgit belum lagi dibuat permohonan harta pusaka. Jumlah ini tidak termasuk wang tunai dan harta tidak alih yang lain yang masih tersimpan di institusi kewangan dan di agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti Amanah Raya Berhad, KWSP, Perbendaharaan Malaysia dan lain-lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Nazri Aziz menyatakan bahawa daripada jumlah mencecah RM40 billion itu, sebanyak RM38 billion adalah terdiri daripada hartanah kaum Melayu (Utusan Malaysia, 10 Julai 2007). Secara umumnya, ia melibatkan lebih daripada sejuta kes pusaka yang tertunggak, RM38

billion dalam bentuk hartanah, RM1.5 billion wang tunai dan RM70 juta dalam KWSP (Utusan Malaysia, 10 Julai 2007). Keadaan atau senario ini dapat dilihat sebagai satu sebab isu pewarisan yang tidak dapat diselesaikan ekoran perbalahan keluarga, kurangnya kesedaran mengenai harta pusaka dan waris sendiri yang tidak mengetahui wujudnya harta terbabit sehingga terjadinya harta tidak dituntut implikasi dari kegagalan menyelesaikan urusan pembahagian pusaka.

Situasi ini bertambah buruk pada tahun 2009 apabila nilai kes tuntutan harta pusaka tertangguh telah mencecah lebih kurang RM42 billion dan tidak kurang daripada RM1.8 bilion wang kini terpendam di Pendaftar Wang Yang Tidak Dituntut (Utusan Malaysia, 2 April 2009) yang tidak diselesaikan oleh para pewaris. Terdapat lebih kurang 500,000 pewaris aset beku di kalangan masyarakat Islam di Malaysia hingga kini yang belum membuat tuntutan ataupun belum dapat menyelesaikan masalah harta pusaka mereka (Utusan Malaysia, 5 Ogos 2010). Walaupun telah ada usaha untuk menangani permasalahan ini khususnya dengan meningkatkan mutu pengurusan dalaman termasuk meningkatkan keupayaan perbicaraan namun ia kurang memberikan kesan akibat daripada sikap negatif waris yang terbabit.

Kesedaran yang kurang terhadap ilmu pengetahuan tentang pengurusan harta pusaka di Malaysia oleh masyarakat kita pada hari ini jelas terbukti melalui beberapa pernyataan di perenggan-perenggan lepas mengenai masalah-masalah harta pusaka. Proses membuat permohonan pusaka tidaklah terlalu rumit jika masyarakat memahami konsep pengurusan dan perancangan pusaka serta memahami keperluan prosedur dan proses-proses yang diperlukan sewaktu membuat permohonan pusaka. Seseengahnya beranggapan proses permohonan pusaka ini melibatkan kos yang tinggi dan prosedur yang susah serta merumitkan kerana kurangnya pemahaman mengenai ilmu pusaka. Ada di antaranya telah dipohon, namun ditinggalkan separuh jalan apabila pemohon menghadapi berbagai masalah untuk meneruskan permohonan. Ianya terjadi akibat kurangnya ilmu pengetahuan pemohon atau waris terhadap isu dan masalah sosial yang berkaitan harta pusaka ini.

Implikasi daripada paparan maklumat-maklumat di atas, jelas menunjukkan natijah daripada sikap negatif yang membelenggu pemikiran masyarakat kita pada

hari ini seterusnya mempengaruhi sikap dan tindak-tanduk mereka dalam hal berkaitan dengan pengurusan harta pusaka si mati termasuk harta alih dan harta tidak alih. Bertepatan dengan hal itu maka adalah menjadi suatu perkara yang amat penting untuk mengkaji implikasi harta pusaka si mati termasuk harta alih dan tidak alih (tidak melebihi RM2 juta) yang masih gagal disempurnakan pembahagian kepada pihak unit pembahagian pusaka dan pewaris. Implikasi-implikasi inilah yang akan dikenalpasti dan dilihat sejauh mana ia mampu mengganggu-gugat kesejahteraan pihak unit pembahagian pusaka dan juga pewaris akan harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian ini.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah untuk membantu pihak-pihak yang terlibat dalam harta pusaka menggunakan hasil kajian ini dalam penyebaran dan penghebahan maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai betapa pentingnya menguruskan harta pusaka di kalangan masyarakat.

### **1.4 Objektif Kajian**

Untuk mencapai matlamat kajian di atas, pengkaji telah menggariskan objektif-objektif yang berikut iaitu:

- 1) Mengkaji implikasi harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian kepada pihak unit pembahagian pusaka.
- 2) Mengkaji implikasi harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian kepada pewaris.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini dilaksanakan di bawah bidangkuasa Penolong Pengarah Pembahagian Pesaka yang juga diwartakan sebagai Penolong Penatdbir Tanah dan Majistret (Kelas 2) di Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah dan Galian di Johor Bahru. Responden bagi mewakili pewaris adalah di kalangan orangramai dan orang awam yang berurusan (pewaris) di organisasi tersebut serta pihak-pihak yang berkepentingan.

Melalui kajian perpustakaan yang dibuat, pengkaji telah mendapati tidak ada kajian-kajian terdahulu yang mengkaji implikasi harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian. Kajian yang sedia ada banyak mengkaji faktor-faktor dan punca-punca kelewatan permohonan harta pusaka yang melibatkan Unit Pembahagian Harta Pusaka Kecil yang terletak di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau di Pejabat Tanah. Pendekatan dan aspek yang digunakan tidak banyak perbezaan malah tumpuan banyak ditumpukan kepada melihat punca terjadi kelewatan kes penyelesaian harta pusaka manakala kawasan kajian yang digunakan sebagai kajian kes adalah berbeza.

Dalam satu kajian yang di buat oleh Mohd. Fauzi Mohd. Yusoff pada tahun 2004 bertajuk “Punca-Punca Kelewatan Permohonan Harta Pusaka Kecil: Kajian Kes: Pejabat Pembahagian Pusaka Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Di Negeri Perak” ada menyatakan tentang bagaimana kelewatan permohonan harta pusaka kecil ini terjadi di Pejabat Pusaka dan Pejabat Daerah dan Tanah di kawasan kajian yang dipilih. Namun kajian ini tidak membuat kajian mengenai implikasi kegagalan membuat penyelesaian pembahagian sehingga harta pusaka terpaksa dibekukan dan terperap di agensi atau jabatan yang menguruskan harta pusaka.

Nur Atiqah Binti Othman (2011) juga hanya menyatakan sebab mengapa harta pusaka tidak dapat dipindahkan kepada pewaris. Skop kajian Nur Atiqah adalah bagi harta pusaka kecil di bawah seksyen 3 (2) Akta Harta Pusaka Kecil 1955, di mana si mati hanya meninggalkan harta-harta tidak alih sahaja atau harta-harta tidak

alih bersama harta-harta alih dan jumlah nilai keseluruhannya tidak melebihi RM 2 juta. Kajian pengkaji adalah melihat sejauh mana harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian boleh memberikan implikasi yang negatif kepada pihak unit pembahagian pusaka dan pewaris namun skop kajian pengkaji sama dengan Nur Atiqah di Seksyen/unit pembahagian pusaka di JKPTG.

Walaupun telah ada kajian-kajian tentang punca dan sebab kelewatan harta pusaka untuk diselesaikan, tetapi kajian pengkaji pula lebih menumpukan kepada implikasi yang terbit daripada kegagalan menyelesaikan pembahagian harta pusaka dan tumpuan lebih diberikan kepada pihak unit pembahagian pusaka dan pewaris.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini perlu dilaksanakan dan menjadi panduan dimana ianya akan memberikan manfaat dan faedah seperti mana berikut:

- 1) Hasil kajian ini akan boleh digunakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Pejabat Tanah dan Daerah, juga agensi dan Institusi yang berkaitan untuk dihebahkan kepada orang ramai mengenai betapa pentingnya harta pusaka diuruskan. untuk mengambil langkah berjaga agar harta yang dibeku ini dapat ditadbir sebaiknya.
- 2) Dapatan kajian ini juga membantu pihak unit pembahagian pusaka yang mentadbir harta ini untuk menubuhkan satu badan penyebaran informasi/maklumat mengenai kepentingan pengurusan harta pusaka. Dengan ini, Pentadbir Harta Pusaka akan dapat mengurus tadbir harta-harta pusaka ini dengan sempurna.
- 3) Daripada hasil kajian ini juga akan boleh menjadi panduan kepada orang awam untuk mengetahui betapa pentingnya mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap harta pusaka dan pengurusannya baik sebelum

dan selepas kematian supaya dapat mengambil tindakan awal untuk membuat penurunan milik terus kepada waris-waris yang berhak atau membuat wasiat atau melantik salah seorang waris sebagai pemegang amanah atau Surat Kuasa Mentadbir dari supaya apabila pemilik tersebut meninggal dunia, harta tersebut dapat di uruskan dengan sempurna.

- 4) Hasil kajian ini juga akan boleh digunakan sebagai bahan rujukan bagi pelajar-pelajar Program Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) khususnya dan pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS umumnya untuk mendapat ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan harta pusaka.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Kajian ini akan dilaksanakan dengan menggunakan beberapa kaedah bagi mencapai objektif yang dibentuk. Kaedah kajian yang digunapakai ini boleh dilihat dalam empat peringkat iaitu peringkat awal, peringkat pengumpulan data, peringkat analisis dan peringkat rumusan serta cadangan.

### **1) Peringkat Awal (Persediaan Kajian)**

Peringkat pertama ini merupakan peringkat pengenalan dan juga pembentukan rangka kerja penyelidikan bagi memudahkan kajian yang akan dijalankan secara keseluruhannya. Pada peringkat ini pemahaman awal terhadap permasalahan akan dikaji dan di kupas. Setelah itu, pengkaji akan mengenal pasti isu dan masalah yang timbul dan seterusnya matlamat, objektif dan skop kajian akan dibentuk agar dapat memandu dan membatasi kajian ini. Pengkaji juga akan menentukan kawasan kajian untuk membolehkan kajian ini dilaksanakan dengan lebih jelas dan berkesan.

### **2) Peringkat Pengenalpastian Data Untuk Kajian Literatur**

Pada peringkat ini, penekanan diberikan terhadap pembacaan dan rujukan terhadap data-data sekunder. Pengkaji akan mengenal pasti secara mendalam aspek-aspek yang berkaitan melalui artikel, jurnal, buku-buku ilmiah, laporan-laporan kerajaan, akhbar, tesis, pencarian melalui internet, majalah, teori-teori pengurusan harta pusaka dan sebagainya yang berkaitan dengan Harta Pusaka.

### 3) Peringkat Pengumpulan Maklumat

Pada peringkat ini pengumpulan maklumat bagi kajian ini melibatkan pengumpulan data primer dan sekunder bagi kawasan kajian dan pihak-pihak yang terlibat.

#### a) Data Primer

Data primer di perolehi melalui kaedah temubual di kalangan pegawai-pegawai berkenaan dengan kajian pengkaji. Kaedah temubual ini digunakan untuk mendapat maklumat berkenaan dengan peranan pihak unit pembahagian pusaka dalam menyelesaikan harta pusaka kecil atau harta pusaka yang melibat harta alih dan tidak alih (tidak melebihi RM 2 juta) Segala data temubual ini akan diolah untuk maksud penulisan Bab 3 dan juga Bab 4 bagi menyokong kajian analisis pengkaji.

Objektif pertama dan kedua kajian akan cuba dicapai oleh pengkaji melalui menemubual pegawai-pegawai di Unit Pembahagian Pusaka Johor Selatan, Johor Bahru. dan borang soal selidik akan diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan sokongan pihak pengurus pusaka tersebut serta orang ramai yang berurusan di unit tersebut termasuk juga pewaris harta pusaka untuk melihat sejauh mana kesan awal itu benar-benar wujud dan memberikan kesan.

#### (b) Data Sekunder

Data sekunder adalah bahan-bahan yang di dapati dari buku, kertas seminar, laman web, majalan, risalah dan buletin. Semua data-data ini akan digunakan di dalam membantu memahami badan-badan yang terlibat dalam pembahagian harta pusaka. Sumber-sumber ini penting bagi menyokong lagi kajian ini untuk mencapai dua objektif yang dicadangkan pada peringkat awal lagi.

#### 4) Peringkat Penganalisan Data

Data-data yang telah dikumpulkan perlu dikemas kini supaya dapat dirumuskan sejajar dengan objektif penyelidikan ini. Penganalisan yang teliti perlu di dalam mengetahui kesan daripada pernyataan masalah yang telah dinyatakan sebelum ini. Dengan itu proses membuat kesimpulan dan cadangan akan dapat dirangka.

Pada peringkat analisis ini, dua kaedah akan digunakan untuk tujuan memproses maklumat yang telah dikumpulkan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Bagi proses menganalisa borang kaji selidik yang diedarkan '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS) digunakan untuk menganalisis data kajian dengan lebih jitu dan tepat dan kaedah ini di panggil sebagai kaedah kuantitatif. Seterusnya data yang diperoleh secara temubual pula akan dianalisis secara kualitatif dan juga melalui kaedah kuantitatif.

#### 5) Peringkat Rumusan Dan Cadangan

Hasil akhir kajian akan menghasilkan satu rumusan mengenai kajian yang telah dijalankan. Setelah mendapat keputusan daripada analisis yang dijalankan, maka syor-syor dan cadangan akan dikemukakan bagi mengatasi segala permasalahan yang timbul. Cadangan-cadangan yang diberikan adalah lebih kepada bagaimana pihak yang terlibat dan agensi dan institusi yang



menguruskan harta pusaka dapat mengatasi permasalahan harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian ini melalui pendidikan, penyebaran informasi, dan sebagainya. Pengkaji juga akan memberikan cadangan lanjutan bagi kesinambungan pada kajian-kajian yang akan datang.

## **1.8 Susunatur Bab**

Bab 1: Pengkaji menerangkan tentang pengenalan kajian yang dipilih, pernyataan masalah yang timbul, matlamat kajian, objektif kajian yang ingin dicapai, skop kawasan kajian dan kepentingan kajian ini. Metodologi mengenai kajian ini yang melibatkan data primer dan data sekunder juga dijelaskan dalam bab ini.

Bab 2: Bab ini menjelaskan definisi, konsep harta pusaka dan harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian. Pengkaji juga menerangkan pengurusan harta pusaka di Malaysia yang banyak menyentuh bidang kuasa agensi dan institusi yang mentadbir harta pusaka di Malaysia. Malah pengkaji juga menerangkan implikasi harta pusaka yang gagal disempurnakan pembahagian kepada pihak unit pembahagian pusaka dan pewaris mengikut kajian awal yang dilakukan pengkaji.

Bab 3: Di sini pengkaji menerangkan tentang kawasan kajian yang dipilih serta latar belakang kes kajian iaitu di Johor Bahru dan pihak yang terlibat dalam unit pembahagian pusaka di Johor Bahru ini. Penerangan yang merangkumi sejarah, lokasi, populasi penduduk yang menetap di kawasan kajian akan diperjelaskan dengan lebih lanjut di dalam bab ini.

Bab 4: Bab empat ini menjelaskan tentang kaedah bagaimana kajian ini dijalankan dan bagaimana data-data dianalisis dikumpul dan diolah serta di analisa satu persatu. Analisis ini berpandukan kepada pengumpulan borang kaji selidik, laporan dan temubual yang di adakan dengan responden yang telah dikenalpasti. Bab ini juga menerangkan penemuan kajian dari analisis yang di laksanakan.

Bab 5: Bab ini mencadangkan tindakan yang boleh dilaksanakan dari kajian yang dilakukan. Ia juga akan menghuraikan kesimpulan secara umum keseluruhan kajian yang telah dilakukan. Di sini turut disertakan cadangan kajian lanjutan dan masalah yang dihadapi semasa menjayakan kajian ini.

## **BIBLIOGRAFI**

### **AKTA**

*Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955.*

*Akta Kuasa Wasiat 1959*

*Akta Perbadanan Amanah Raya 1995*

*Akta Probet Pentadbiran 1959*

*Undang-Undang Pusaka Bukan Islam (Akta Pembahagian 1958)*

### **PERUNDANGAN**

Perlembagaan Persekutuan Jadual ke-9

### **KERTAS SEMINAR/ARTIKEL/JURNAL**

Abdullah Muhammad (2007), Ke Arah Penyelesaian Harta Pusaka Kecil Yang Lebih Bersepadu Cepak dan Cemerlang; Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam. Kuala Lumpur

Abdul Samad Hadi (2009). Urbanisasi di Malaysia :Mengaitkan Kepelbagaian Proses Ke Bentuk Perbandaran, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Haji Abdul Aziz Hassan (2007). Perancangan Pusaka Islam. Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam, Kuala Lumpur.

Kertas Kerja Pusaka Kecil (2005), Penyelesaian Berkesan Ke arah Kesejahteraan Keluarga Dan Masyarakat.

Mohd. Fauzi Mohd. Yusoff (2004). Punca-Punca Kelewatan Permohonan Harta Pusaka Kecil: Kajian Kes: Pejabat Pembahagian Pusaka Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Di Negeri Perak.

Mohd Tarmizi Ahmad Nordin (2007), Masalah Penyelesaian Harta Pusaka dan Sistem Penamaan Oleh Syarikat Insuran dan Takaful, Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam, Kuala Lumpur

Noor Aziah Md Awal (2007), Masalah-masalah Perwarisan Wanita, Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam, Kuala Lumpur

Prof Madya Noor Aziah Mohd Awal (2007). Masalah-Masalah Perwarisan Wanita, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tuan Haji Abdullah Bin Muhamad (2007). Ke Arah Penyelesaian Harta Pusaka Kecil Yang Lebih Bersepadu Cekap Dan Cemerlang. Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam, Kuala Lumpur.

Tuan Haji Mohd Tarmizi Ahmad Nordin (2007). Masalah Penyelesaian Harta Pusaka Dan Sistem Penamaan Oleh Syarikat Insurans Dan Takaful. Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam, Kuala Lumpur.

Tuan Haji Wan Abd. Halim bin Wan Harun (2008), Isu-Isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam Dalam Konteks Perundangan Malaysia, Konvensyen Faraid Dan Hibah Kebangsaan.

## **BUKU**

*Elizabeth A. Martin (2002). A Dictionary of Law 5th Edition, Oxford University Press.*

*Howe, W., Fred B. Rothman & Co., (1980), Studies in the Civil Law. Littleton, Colorado.*

*John Black (2003). Oxford Dictionary of Economics. Oxford University Press, Berlin.*

Kamus Dewan Edisi Keempat (2009). Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994). Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Fitri Abdul Rahman (2007), Bagaimana Mengurus Harta PUSAKA, PTS Professional Publishing Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Wan Halim Wan Hassan (2006), Pengurusan Dan Pembahagian Harta Pusaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

## **TESIS**

Chong Wang Chin (2010). Masalah Pemprosesan Dalam Pembahagian Harta Pusaka Bagi Orang Bukan Islam. Thesis Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak Diterbitkan).

Mohd Yassin Bin Mohd Yusuf (2010). Pentadbiran Harta Pusaka GSA Dalam Sistem Pentadbiran Tanah Negara Dan Bagi Tanah Felda. Thesis Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak Diterbitkan).

Mohiddin Md Omar (2005). Kajian Masalah Pembahagian Harta Pusaka Kecil Dari Perspektif Organisasi Dan Prosedur Kerja, Kes Kajian: Negeri Johor. Thesis Sarjana (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak Diterbitkan).

Muhammad Hisham Bin Adnan (2005). Kajian Perbezaan Proses Pembahagian Harta Pusaka Kecil Di Antara Orang Islam Dan Orang Bukan Islam, Kajian Kes: Kota Bharu, Kelantan. Thesis Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak Diterbitkan).

Nur Atiqah Binti Othman (2011). Kegagalan Memindahkan Harta Tanah Pusaka Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya. Thesis Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak Diterbitkan).

Siti Norharliza Binti Abd.Jalil (2008).Sebab-Sebab Tunggakan Kes Penyelesaian Harta Pusaka, Kajian Kes: Unit Pembahagian Pusaka Pahang Tengah. Thesis Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak Diterbitkan).

### **KERATAN AKHBAR**

900,000 Hakmilik Tanah ‘Kepunyaan Orang Mati’, Berita Harian, 1 April 2005

Bernamea 2009

Harian Metro 9 Mac 2011

Harta Pusaka RM42 Bil Belum Dituntut, Utusan Malaysia 2 April 2009

Lebih RM70 Juta Harta Pusaka Belum Dituntut, Mstar Online, 2010

Pewaris Aset RM40b Di Cari, Utusan Malaysia 5 Ogos 2010

RM31j Harta Pusaka Masih Tidak Dituntut, Utusan Malaysia, 2 Mei 2009

Utusan Malaysia 10 Julai 2007

Utusan Malaysia 5 Ogos 2009

### **KERATANAYAT AL-QURAN**

Surah An-Nisaa’: ayat 11 & 12

**LAMAN WEB**

[www.kptg.gov.my](http://www.kptg.gov.my)

[www.instun.gov.my](http://www.instun.gov.my)

**LAIN-LAIN**

Buku Panduan Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Kecil (1998). Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian.

Dokumen Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2000 Seksyen Pusaka Kecil, JKPTG